




KAWASAN LIPUTAN: Tendong • Bunut Susu • Gelang Mas • Meranti • Bakong • Repek • Banggol Chica • Pengkalan Pasir • Jias • Slow Machang • Lemal • Lati • To' Uban • Kangkong

Racun baru tingkat hasil

70 pesawah kutip lebih 300 guni padi seekar



■ Seramai 70 petani berpuas hati selepas mendengar taklimat penggunaan racun padi baru yang diperkenalkan PPK Kangkong, semalam.

KANGKONG – Seramai 70 pesawah gembira dan berpuas hati selepas menggunakan racun serangga bersubsidi yang baru diperkenalkan Pertubuhan Perladangan Kawasan (PPK) Kangkong, semalam.

Petani, Mat Salleh Deraman, 41, berkata, racun diperkenalkan PPK memberi hasil tiga kali ganda berbanding yang diperoleh musim lalu.

“Dulu, saya dan petani lain yang mengusahakan 20 ekar bendang padi dapat mengutip sebanyak 100 guni padi untuk seekar bendang.

“Selepas disarankan PPK Kangkong, kami mencuba racun baru ini untuk keluasan seekar bendang dan hasilnya, kami

mencapai sehingga lebih 300 guni bagi seekar bendang,” katanya semalam.

Menurutnya, serangga seperti ‘Kesing Kura’ dan serangan penyakit ‘reput batang’ dapat dipulihkan dengan segera.

Sementara itu, petani, Razaman Deris, 49, berkata, racun diperkenalkan ini banyak membantu petani meningkatkan pendapatan keluarga, memandangkan ia pekerjaan utama penduduk di Kampung Bemban, Kelar.

“Saya berharap kesulitan dihadapi sekian lama dapat diatasi malah akan mendapat hasil berlipat ganda menjelang musim penanaman padi bermula awal Oktober ini,” katanya.